e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan

Edisi Mac 2016

Penyerahan Mock Cheque CT-Simulator

ms 01

ms 01 Hari Kesihatan Oral Sedunia 2016

ms 02 *Annual Scientific Congress 2016*

ms 02 *Cancer Registry Workshop*

http://www.moh.gov.my

www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia

http://twiter.com/kkmputrajaya

http://www.youtube.com/kementeriankesihatan

http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia

Penyerahan *Mock Cheque* *CT - Simulator*

Tarikh: 5 Mac 2016
Tempat: Hotel Istana, Kuala Lumpur

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor telah mencemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan *Mock Cheque* bagi Pengurniaan Mesin *CT-Simulator* kepada Pusat Rawatan Onkologi, Hospital Sultan Ismail yang diiringi oleh YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK dan YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussen, TKSU (P). Pusat Rawatan Onkologi, HSIJB merupakan pusat rujukan rawatan penyakit kanser Wilayah Selatan Malaysia yang merangkumi pesakit dari seluruh negeri Johor dan negeri-negeri yang berdekatan. Pada tahun 2010, seramai 1,235 pesakit kanser didaftarkan di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru (HSIJB) dan angka terebut meningkat kepada 1,690 orang pesakit pada tahun 2015.

Hari Kesihatan Oral Sedunia 2016

Tarikh: 20 Mac 2016
Tempat: IOI City Mall, Putrajaya

YB Dato' Dr. Seri Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Hari Kesihatan Oral Sedunia 2016. Turut hadir ialah Dr. Noor Aliyah binti Ismail, Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian dan Dr. John Ting Sii Ong, Presiden Persatuan Pergigian Malaysia. Sebanyak 75 peratus murid sekolah dan 76 peratus kanak-kanak berusia 5 tahun mengalami masalah kerosakan gigi. Golongan dewasa juga turut tidak terkecuali, mencatatkan sebanyak 30 peratus.

Oleh itu, kesedaran tentang kesihatan gigi dan gusi amat penting dan perlu dicegah pada peringkat awal. Pemeriksaan kesihatan gigi dan gusi perlu dilakukan bagi memastikan gigi dan gusi sentiasa sihat dan kerosakan dapat dielakkan.

Annual Scientific Congress

Tarikh: 25-27 Mac 2016
Tempat: Berjaya Times Square, Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah merasmikan Kongres Saintifik Tahunan. Kongres ini dianjurkan oleh *College of Physicians Academy of Medicine Malaysia*. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Jeyaindran Tan Sri Sinnadurai, TKPK (P). Tema kongres kali ini adalah *"Acute Medicine - Getting It Right The First Time"*. Ini merupakan Kongres pertama untuk *Acute Medicine* yang dianjurkan oleh *The College of Physicians*, Akademi Perubatan Malaysia. Kongres juga berfungsi untuk meningkatkan kesedaran mengenai bidang *Acute Internal Medicine* (AIM). Akademi juga telah mengambil Jawatankuasa Penyelarasan MRCP dan Sekretariat dalam peperiksaan MRCP (UK) yang merupakan sebahagian daripada laluan untuk latihan pasca siswazah. Pakar Perubatan yang mempunyai kelayakan MRCP akan dapat untuk memohon MTI melalui Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM.

Cancer Registry Workshop

Tarikh: 2 Mac 2016
Tempat: Institut Kanser Negara, Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri *Cancer Registry Workshop* yang diadakan dari 2 hingga 4 Mac 2016. Turut hadir ialah penceramah tempatan dan penceramah antarabangsa yang terdiri daripada Perancis, Thailand, New South Wales dan Australia. Kanser telah menjadi salah satu penyakit yang paling berbahaya pada era moden. Menurut *Globocan* 2012, 32.6 juta orang yang didiagnosis menghidap kanser dalam masa 5 tahun di seluruh dunia dan 8.2 juta kematian dicatat berkaitan kanser. Dengan pengenalan Sistem Maklumat Pendaftaran Pesakit yang dianjurkan oleh Pusat Informatik Kebangsaan, usaha sedang dijalankan untuk memperbaiki laporan kepada Pejabat Pendaftaran Kanser Kebangsaan. Di Malaysia, Institut Kanser Negara beroperasi sebagai Urusetia Pendaftaran Kanser Kebangsaan.

Majlis Pelancaran Aplikasi *Mobile iDengue*

Tarikh: 3 Mac 2016
Tempat: Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Kuala Lumpur

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Aplikasi *iMobile Dengue* bersama YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains dan Teknologi (MOSTI). Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). Pelancaran aplikasi *iMobile Dengue* bertujuan untuk memberi pengetahuan dan memperluas serta mengoptimumkan capaian pengguna mengenai wabak denggi yang semakin meningkat saban hari. Aplikasi ini menyediakan pelbagai maklumat mengenai wabak denggi seperti statistik, lokasi hotspot denggi dan jadual laporan kes harian. Aplikasi ini adalah hasil kerjasama di antara KKM dan MOSTI di bawah pelan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Aplikasi ini juga boleh dimuat turun di *"Play Store" dan "App Store"*.

Program Ziarah Kasih Sayang : Jururawat Pelatih Masuk Kampung

Tarikh: 21 Mac 2016
Tempat: Teluk Bahang dan Teluk Awak, Balik Pulau, Pulau Pinang

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Program Ziarah Kasih Sayang: Jururawat Pelatih Masuk Kampung. Program tersebut telah disertai oleh pelajar Kolej Latihan Pergigian Malaysia, Kolej Pembantu Perubatan Alor Setar dan Kolej Kejururawatan Bukit Mertajam. Program tersebut juga telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma turut diberikan kepada penduduk di kampung-kampung tersebut.

APC JKN KEDAH 2015

Tarikh: 15 Mac 2016
Tempat: TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah

YBhg. Datuk Dr. Chen Chwa Min, KSU telah merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 Jabatan Kesihatan Negeri Kedah. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Norhizan bin Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah. Dalam majlis tersebut, KSU menyarankan warga kerja KKM agar sentiasa mengekalkan dan meningkatkan prestasi kerja yang cemerlang demi memastikan misi dan visi KKM dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tercapai.

TGP Inspirational Leadership Podium

Tarikh: 7 Mac 2016
Tempat: Institut Pengurusan Kesihatan, Bangsar, KL

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menghadiri *TGP Inspirational Leadership Podium*. Turut hadir ialah Dr. Shahnaz Bt Murad, TKPK (PST) dan Dato' Dr Hj. Azman bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan. KPK memberi ucaptama mengenai *"Healthcare Transformation & Way Forward for Health Sector in Malaysia"*. Kementerian Kesihatan sedang menjalankan Projek Penyelidikan bekerjasama dengan Universiti Harvard dan agensi-agensi tempatan secara menyeluruh menilai sistem kesihatan dari pelbagai aspek seperti penyampaian perkhidmatan, prestasi, pembiayaan, IT, sumber manusia dan politik ekonomi.

KPK berkongsi pandangan mengenai sifat kepimpinan. Antaranya;

i. Jadi pendengar yang baik.
ii. Kreatif & Inovatif.
iii. Menjangka isu-isu & cabaran masa depan.
iv Menerima cabaran terutama dengan senario penjagaan kesihatan masa kini.
v. Pemimpin yang baik dapat membuat perubahan yang besar.

Majlis Penyerahan

Komputer Riba Komuniti Sihat Perkasa Negara KOSPEN

Tarikh: 26 Mac 2016
Tempat: Segamat, Johor

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Penyerahan Komputer Riba Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) Peringkat Negeri Johor di Sekolah Kebangsaan Paya Jakas, Jementah. Turut hadir ialah Dato' Hassan Bin Mohd Amin, Ketua Pengarah KEMAS, YB Puan Hajah Norsyidah Binti Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Buluh Kasap, Dr. Hj. Hisham Bin Hj Sulaiman, Wakil Rasmi Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan Dr Chong Chee Kheong, Pengarah Kawalan Penyakit KKM. Penyerahan komputer riba kepada petugas pasukan Gerak Sihat Malaysia (GSiM) KOSPEN di seluruh negeri Johor bertujuan memastikan data yang telah dikumpulkan dapat diselaras dan didokumentasi secara optimum,konsisten dan sistematik dalam mempertingkatkan lagi keupayaan pasukan tersebut. Kini, sejumlah 4000 pasukan Gerak Sihat Malaysia (GSiM) KOSPEN telah diwujudkan di seluruh negara yang melibatkan seramai 20, 000 petugas sukarelawan yang telah dilatih oleh pihak KKM dalam membuat beberapa ujian asas kesihatan.

Lawatan Kerja YBTMK

Tarikh: 25 Mac 2016
Tempat: Hospital Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Unit Hemodialisis, Hospital Abdul Halim (HSAH). Turut hadir ialah Datuk Dr. Norhizan Ismail, Pengarah Kesihatan Kedah dan Dr. Zainal Che Mee, Pengarah HSAH. Menurut YBTMK, terdapat keperluan untuk penambahan unit mesin hemodialisis bagi tujuan menampung keperluan pesakit hemodialisis yang semakin meningkat di HSAH. YBTMK juga berkesempatan melawat bahagian Ortopedik. Sebanyak RM600,000 peruntukkan diperlukan bagi membeli peralatan baharu yang telah rosak.

Lawatan Kerja KSU

Hospital Putrajaya

Tarikh: 28 Mac 2016
Tempat: Hospital Putrajaya, Putrajaya.

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Putrajaya. KSU telah melawat tapak Cadangan Ubahsuai Blok Asrama Jururawat kepada Blok Obstetrik & Neonatalogi, Hospital Putrajaya. KSU juga meluangkan masa mendengar taklimat berhubung projek tersebut daripada pihak JKR. Selain itu, KSU telah melawat Unit Kecemasan Hospital Putrajaya dan Pusat Bersalin Berisiko Rendah Malaysia, MAIWP, Hospital Putajaya.

Hospital Sultanah Aminah

Tarikh: 31 Mac 2016
Tempat: Hospital Sultanah Aminah & Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru

Hospital Sultan Ismail

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail. Turut hadir ialah Dr. Haji Arban bin Lani, Pengarah Hospital Sultan Ismail dan Dr. Rooshaii Merican binti A. Rahim Merican, Pengarah Hospital Sultanah Aminah. KSU telah melawat Jabatan Pengimejan & Diagnostik, Jabatan Pembedahan (Endoskopi) dan tapak projek ESWL di Jabatan Urologi di Hospital Sultanah Aminah. Manakala KSU juga telah melawat Jabatan Onkologi, Hospital Sultan Ismail. Sesi taklimat turut diadakan bersama-sama dengan warga kerja di kedua-dua hospital tersebut.

Lawatan Kerja YBMK ke Sarawak

Hospital Umum Sarawak

Tarikh: 30 Mac 2016
Tempat: Hospital Umum Sarawak, Kuching

Hospital Betong

Tarikh: 31 Mac 2016
Tempat: Hospital Betong, Sarawak

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah megadakan lawatan kerja ke beberapa buah hospital dan klinik di Sarawak. Turut hadir ialah YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). Lawatan terebut bertujuan untuk meninjau keadaan perkhidmatan kesihatan di negeri Sarawak dan memahami warga KKM yang berkhidmat di bumi Kenyalang tersebut. YBMK sentiasa menyarankan warga kerja KKM yang berkhidmat sama ada di hospital mahu pun klinik sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat. KKM sentiasa berusaha menambahbaik perkhidmatan kesihatan agar kemudahan kesihatan dapat dimanfaatkan dan dioptimumkan secara menyeluruh.

Klinik Kesihatan Spaoh

Tarikh: 31 Mac 2016
Tempat: Betong, Sarawak

Kayuhan Amal Sempena Hari Tibi Sedunia 2016

Tarikh: 20 Mac 2016
Tempat: Taman Tasik Cyberjaya, Putrajaya

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan aktiviti Kayuhan Amal Sempena Hari Tibi Sedunia Peringkat Negeri Selangor. Program tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran tentang bahaya penyakt Tibi. Program kayuhan sepanjang 25 km tersebut telah berjaya menarik perhatian dan disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat serta peringkat usia.

Sesi Dialog KSU Bersama Peserta Kursus Pengurusan Ketua Jabatan KKM Bil 2016

Tarikh: 9 Mac 2016
Tempat: Institut Pengurusan Kesihatan Bangsar, KL

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan Sesi Dialog Bersama Peserta Kursus Pengurusan Ketua Jabatan. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussen, TKSU (P). Majlis tersebut dihadiri oleh Ketua-Ketua Jabatan KKM. Dalam sesi dialog tersebut, KSU berkesempatan berkongsi pengalaman mengenai *leadership* serta mendengar cadangan dan pendapat daripada ketua-ketua jabatan serta cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang berkhidmat di KKM.

Majlis Malam Penghargaan
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Tarikh: 11 Mac 2016
Tempat: Hotel Concorde, Shah Alam

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah merasmikan Majlis Malam Penghargaan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Turut hadir ialah Dato' Dr. Balachandran A/L Satyamurthy, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan Dr. Abdul Rashid bin Kasri, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Majlis Malam Penghargaan diadakan bertujuan untuk meraihkan penghargaan untuk 11 pesara JKN Selangor termasuk Dato' Dr. Balachandran dan Dr. Abdul Rashid bin Kasri. KPK mewakili warga KKM mengucapkan terima kasih kepada semua pesara atas sumbangan mereka kepada negara.

Persatuan Dwitahunan Malaysia

Tarikh: 26-27 Mac 2016
Tempat: Hotel Park Royal, Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah merasmikan Persatuan Dwitahunan Malaysia, iaitu Pergigian Pakar Kesihatan Awam Persidangan Saintifik dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 2016 yang bertemakan 'Mengoptimumkan Kesihatan Oral melalui Kesihatan Awam'. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA) dan Dr. Noor Aliyah bt Ismail, Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian. KPK telah memberi ucaptama bertajuk '*Challenge In Health : The Way Forward*'.

Selaras dengan tema Rancangan Malaysia ke-11, KKM menekankan sistem penjagaan kesihatan yang berterusan, menyediakan perlindungan kewangan kepada rakyat dan memastikan kepuasan rakyat dengan sistem yang saksama, cekap, berkesan, dan responsif.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKM 2015

Tarikh: 29 Mac 2016
Tempat: IPKKM, Putrajaya

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KKM 2015. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Hisham Abdullah, KPK. Seramai 794 warga kerja KKM dari IPKKM, Jabatan Kesihatan Negeri, Kolej-Kolej dan Institusi-Institusi Kesihatan KKM telah menerima pengiktirafan dan penghargaan pada tahun ini. YBMK menyarankan agar warga kerja KKM agar sentiasa terus cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan menjadi contoh terbaik kepada warga kerja KKM yang lain.

Perasmian Pameran Perdagangan Kolej Antarabangsa Doktor Pergigian (ICD) dan Kongres Asia Pacific 2016

Tarikh: 12 Mac 2016
Tempat: Hotel Pullman, Kuala Lumpur

YB Datuk Seri Dr. S. Subramniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Pameran Perdagangan Kolej Antarabangsa Doktor Pergigian (ICD) dan Kongres Asia Pacific 2016. Turut hadir ialah Datuk Dr. How Kim Chuan, Presiden ICD Asia, Prof. Philip Dowel, Presiden ICD dan Dr. Noor Aliyah Ismail. Kongres yang bertemakan "Trend Terbaru Dalam Kecemerlangan Pergigian" disertai sebanyak 20 buah negara yang membabitkan 600 orang peserta yang terdiri daripada doktor pakar pergigian, doktor gigi dan para pelajar dari bidang pergigian. Sebanyak 75 peratus murid di negara ini dikesan menghidapi penyakit pereputan gigi atau karies yang berpunca daripada pelbagai faktor termasuk amalan memakan makanan manis. Oleh itu, sokongan dan keperihatinan daripada pelbagai pihak khususnya ibu bapa amat penting dalam menjaga corak pemakanan anak-anak. Hal ini demikian bagi mengelak anak-anak mereka mendapat masalah kesihatan gigi pada masa hadapan.

PEGAWAI YANG BERTUKAR MASUK (GRED 54 KE ATAS)

DR. KAREN SHARMINI A/P SANDANASAMY

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI PERUBATAN UD54 BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
Gelaran	:	KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
Tarikh	:	7 MAC 2016

DR. NETTY DARWINA BINTI MOHD DAWAM

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI PERUBATAN UD54 BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
Gelaran	:	KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
Tarikh	:	7 MAC 2016

ENCIK SUHAIMI BIN JUSOH

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK UTAMA C BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA
Gelaran	:	SETIAUSAHA BAHAGIAN
Tarikh	:	15 MAC 2016

PEGAWAI YANG BERSARA (GRED 54 KE ATAS)

ENCIK CHOY LUP BONG

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK UTAMA B BAHAGIAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA
Tarikh bersara	:	14 MAC 2016 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / pingat	:	K.M.N 2008, A.P.C 1987
Tempoh perkhidmatan	:	1 DISEMBER 1981 HINGGA 13 MAC 2016 (34 TAHUN 3 BULAN)

DR. SUKDERSHAN SINGH A/L HAZARA SINGH

Jawatan / Tempat	:	PEGAWAI PERUBATAN KHAS C BAHAGIAN TELEKESIHATAN
Tarikh bersara	:	26 FEBRUARI 2016 (BERSARA WAJIB)
Anugerah / pingat	:	K.M.N 2008, A.P.C 1987
Tempoh perkhidmatan	:	15.10.1986 HINGGA 25.03.2016 (29 TAHUN 5 BULAN)

PENASIHAT

KETUA SETIAUSAHA

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min

KETUA PENGARAH KESIHATAN

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)

YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen

PENGARANG

Wan Norhana binti Mohamad
Mona Ang
Mohd Iswandy bin Wally

PENYUMBANG ARTIKEL

Pejabat Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA